

# Tingkat **pendapatan** komuniti



**Ahli PERKASA Johor UPM** bergambar bersama-sama tetamu dan penduduk Kampung Nelayan Penyabong.

**Mersing:** Persatuan Kebajikan Anak-Anak Negeri Johor Universiti Putra Malaysia (PERKASA Johor, UPM) menganjurkan program Transformasi Ekonomi Nelayan Penyabong (TrEN Penyabong Mersing) bagi membantu meningkatkan pendapatan komuniti di Kampung Nelayan Penyabong, di sini.

Pengarah program, Muhamad Hanif Mohd Nor, berkata program itu bertujuan mengurangkan kos sara hidup penduduk serta memberi pendedahan mengenai teknologi hidroponik.

Katanya, kejayaan pelaksanaan program itu akan memberi impak besar dalam usaha menjadikan Kampung Nelayan Penyabong sebagai Perkampungan Edu-Agro yang pertama di daerah ini.

### Sokongan menggalakkan

“Sokongan yang diterima daripada penduduk kampung amat menggalakkan dan saya berharap mereka akan terus memberikan kerjasama kepada kami untuk bersama-sama menjayakan projek itu serta memperluaskan pelaksanaannya kepada fasa yang seterusnya,” katanya.

Program yang diilhamkan Pejabat Menteri Besar

Johor itu dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Pelajaran Johor, pakar runding Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pertanian UPM, Pejabat Daerah Mersing, wakil rakyat ADUN Endau serta Jawatankuasa Kampung Nelayan Penyabong.



**SOKONGAN YANG DITERIMA DARIPADA PENDUDUK KAMPUNG AMAT MENGGALAKKAN DAN SAYA BERHARAP MEREKA AKAN TERUS MEMBERIKAN KERJASAMA KEPADA KAMI”**

**Muhamad Hanif Mohd Nor,**  
Pengarah program



Teknologi hidroponik antara pendedahan diberikan kepada penduduk kampung menerusi program **TrEN Penyabong Mersing.**